



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 6, October 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocsciences.com

Sikap Terhadap Program Peningkatan Pendapatan dan Perubahan kepada Sosio-Ekonomi Peserta Orang Asli

Azlina Mohd Khir¹, Nobaya Ahmad¹, Muhd Dhamir Audi Azizul¹, Asnarulkhadi Abu Samah¹, Hanina Halimatusaadiah Hamsan¹

¹Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Correspondence: Azlina Mohd Khir (m_azlina@upm.edu.my)

Abstrak

Kajian ini dilakukan untuk menentukan hubungan antara sikap terhadap Program Peningkatan Pendapatan (PPP) dan perubahan kepada sosio-ekonomi dalam kalangan peserta PPP Orang Asli. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk i) menghuraikan latar belakang responden; ii) mengenal pasti tahap sikap dan perubahan sosio-ekonomi; dan iii) menentukan hubungan antara sikap terhadap PPP dan perubahan kepada sosio-ekonomi. Kajian ini melibatkan 110 Orang Asli yang menyertai PPP di negeri Perak. Pemilihan responden adalah secara persampelan bertujuan. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik melalui prosedur tadbir sendiri dengan pemantauan minima oleh penyelidik. Hasil kajian mendapati antara projek PPP yang dijalankan di negeri Perak adalah tanaman sayuran, limau kasturi dan pisang, serta ternakan kambing, lembu, ikan tilapia dan kelulut. Dapatan kajian menunjukkan adanya peningkatan pendapatan dalam kalangan responden walaupun majoriti daripada mereka memperoleh pendapatan bulanan kurang daripada RM1000. Secara keseluruhannya, majoriti responden mempunyai sikap yang positif terhadap PPP, manakala perubahan kepada sosio-ekonomi berada pada tahap yang sederhana. Hasil kajian juga menunjukkan hubungan positif secara signifikan antara sikap terhadap PPP dengan dimensi perubahan sosio-ekonomi ($r = .430$ hingga $r = .681$; $p < .01$). Semakin positif sikap peserta terhadap PPP, semakin meningkat perubahan sosio-ekonomi mereka. Sikap positif peserta Orang Asli terhadap PPP adalah penting kerana sikap berkait rapat dengan tingkah laku, mempengaruhi keterlibatan peserta dalam program ini dan seterusnya meningkatkan status sosio-ekonomi kepada tahap yang lebih baik lagi. Oleh itu, pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti JAKOA perlu terus memainkan peranan dalam memberikan galakan dan sokongan kepada komuniti ini agar mereka terus bermotivasi, terbuka kepada inovasi dan terus berusaha untuk meningkatkan status sosio-ekonomi dan kualiti hidup mereka.

Kata kunci: sikap, sosio-ekonomi, program peningkatan pendapatan, Orang Asli

Attitudes Towards Income Increment Program and Socio-economic Changes Among Orang Asli Participants

Abstract

This study aimed to determine the relationships between attitude toward Income Increment Program (IIP) and socio-economic changes among Orang Asli IIP participants. Specifically, the objectives of this research were to i) describe the background of the respondents; ii) identify levels of attitude and socio-economic changes; and iii) determine the relationships between attitude and socio-economic

changes. This study involved 110 Orang Asli who participated in the IIP in Perak. Respondents were selected through purposive sampling technique. Data were collected using questionnaires through a self-administered procedure with minimal monitoring by the researchers. The study showed among the IIP projects undertaken in the state of Perak are vegetables, lime and banana plantations, as well as goat and cow farming, tilapia farming and stingless bee farming. The findings showed that there was an increment of the income among respondents although majority of them earned less than RM1000 per month. Overall, majority of respondents have positive attitude toward IIP, while the changes to the socio-economic are at a moderate level. The results also showed a significant positive relationships between attitude toward IIP and the dimensions of socio-economic changes ($r = .430$ to $r = .681$; $p < .01$). The more positively participants' attitude towards IIP, the more socio-economic changes they were. The positive attitude of the Orang Asli participants towards IIP is important because attitudes are closely related to behavior, affect the participants' involvement in this program and consequently will increase socio-economic status to a greater degree. Therefore, responsible parties such as JAKOA should continue play their role in encouraging and supporting this community so that they continue to be motivated, open towards innovation, and strive to improve their socio-economic status and quality of life.

Keywords: attitudes, social-economic, income increment program, Orang Asli

Pengenalan

Mutakhir ini, penyelidikan berkenaan masyarakat Orang Asli di Malaysia semakin mendapat perhatian yang luas dalam kalangan ahli akademik, saintis sosial, penggubal polisi pembangunan, dan beberapa pihak lain. Pelbagai pendekatan telah dilaksanakan terutamanya dari sudut geografi, ekonomi, sosial, antropologi dan sejarah. Secara umumnya, penyelidikan berkaitan Orang Asli telah bermula sejak abad ke-19 melalui pelbagai bentuk pendekatan kajian yang menyeluruh. Tokoh terawal yang terlibat dalam penyelidikan masyarakat Orang Asli adalah Anderson (1850) dan Hole (1888). Orang Asli adalah satu-satunya masyarakat peribumi yang menetap di Semenanjung Malaysia. Mereka terdiri daripada tiga rumpun bangsa yang utama iaitu Senoi, Melayu-Proto dan Negrito. Senoi merupakan kaum yang terbesar, iaitu dengan jumlah 54.9 peratus, diikuti oleh Melayu-Proto (42.3%) dan Negrito (2.8%). Orang Asli dikategorikan sebagai golongan minoriti berdasarkan jumlahnya yang hanya 0.6 peratus daripada jumlah penduduk di Malaysia yang berjumlah 28.3 juta (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2016). Masyarakat Orang Asli mempunyai budaya, bahasa, kepercayaan dan gaya hidup mereka sendiri (Sarjit & Mohd Roslan, 2018).

Pelbagai isu sering dikaitkan dengan masyarakat Orang Asli terutamanya dari segi sosio-ekonomi dan kemiskinan. Berdasarkan kajian oleh Noralida et al. (2012) di Perkampungan Sungai Ruil, Cameron Highland, majoriti Orang Asli mempunyai pendapatan yang rendah. Terdapat 1.5 peratus sahaja komuniti yang dikaji berpendapatan antara RM1,500 hingga RM 2,000, namun sebahagian besar yang lain adalah kurang daripada RM1,500. Begitu juga dengan kajian Azlina et al. (2018) dalam kalangan Orang Asli di Melaka yang mendapati purata pendapatan bulanan responden adalah sebanyak RM1165.33. Keadaan ini menunjukkan kadar kemiskinan Orang Asli yang masih lagi tinggi iaitu sebanyak 31.16 peratus pada tahun 2010 (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2011). Di samping itu, komuniti orang Asli juga tergolong dalam kategori miskin bukan sahaja dari segi ekonomi, tetapi dari segi kuasa dan pendidikan (Hassan, 2018).

Pelbagai program pembangunan ekonomi telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untuk memberi manfaat kepada golongan peribumi ini agar mereka mendapat kualiti hidup yang lebih baik, meningkatkan tahap sosio-ekonomi dan seterusnya keluar dari kitaran kemiskinan (Azlina et al. 2018). Beberapa program telah berjaya dilaksanakan seperti Program Pembangunan Ekonomi Negeri, Program Pengembangan, Program Bimbingan Usahawan, Program Pembinaan Ruang Niaga dan yang terkini adalah Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Pada tahun 2014 JAKOA melalui usahasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah memperkenalkan PPP yang bertujuan untuk mengurangkan kadar kemiskinan tegar selaras dengan

hasrat pihak kerajaan. Peralatan jentera pertanian, bahan input perikanan, kelengkapan menangkap ikan, projek sayuran, tanaman keledak, tanaman limau nipis, ternakan ikan talapia, ternakan ayam kampung, ternakan kambing dan sebagainya merupakan bantuan yang telah disediakan dalam program ini. Tambahan lagi, dalam tempoh empat tahun ini, seramai 394 orang peserta telah menerima bantuan dengan nilai maksimum RM10,000.00 mengikut skop projek yang dijalankan sama ada secara individu mahupun kelompok (Azlina, et al. 2018).

Sikap merupakan bentuk pemikiran, perasaan dan tindak balas terhadap individu, kumpulan, masyarakat mahupun peristiwa dalam persekitaran di mana bentuk tersebut adalah tersusun dan konsisten (Lambert & Lambert, 1973). Disebabkan sikap bersifat konsisten, maka hubungan antara sikap dan perlakuan manusia yang lahir daripadanya adalah signifikan. Tambahan pula, konsep sikap boleh digunakan untuk menjelaskan tahap konsistensi perlakuan seseorang kerana perlakuan individu berkenaan adalah berasaskan kepada sikapnya (Oskamp, 1977). Menurut Ma'rof (2001), sikap adalah satu penilaian umum sama ada dalam bentuk positif atau negatif terhadap sesuatu. Sikap terdiri daripada tiga komponen utama iaitu kognitif, afektif, dan psikomotor (Fishbein & Ajzen, 1975). Komponen kognitif berkait dengan pengetahuan, pandangan dan keyakinan, iaitu hal-hal yang berhubung dengan bagaimana persepsi seseorang terhadap objek sikap. Komponen afektif berhubung dengan rasa senang atau tidak senang terhadap objek sikap. Manakala, komponen psikomotor berhubung dengan kecenderungan bertindak atau berperilaku terhadap objek sikap. Sikap terbentuk berdasarkan nilai-nilai yang diyakini pada suatu situasi yang khusus dan digunakan oleh seseorang untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan (Homer & Kahle, 1988). Sikap juga adalah faktor yang ada dalam diri manusia yang dapat mendorong atau mempengaruhi tingkah laku tertentu (Azlina & Ma'rof, 2014).

Sikap diperincikan lagi melalui kepercayaan (merupakan komponen kognitif) dan sering mendorong kepada pembentukan tingkah laku yang mempunyai pelbagai tujuan tertentu (komponen kecenderungan tindakan) (Oppenheim, 2000). Oleh itu, sikap digambarkan tidak wujud secara berasingan dalam individu, malahan ia saling berhubung dengan pelbagai komponen lain dalam diri. Bagi seseorang individu, pelbagai sikap tertentu yang lebih menonjol dalam sesebuah situasi dan bertahan bagi masa yang lebih lama kerana sikap merupakan gabungan beberapa sifat yang ada pada seseorang individu (Oppenheim, 2000). Disebabkan terdapat sikap tertentu yang menonjol pada diri seseorang individu, maka gelaran tertentu yang merupakan hasil paparan sikap tersebut diberi pada umumnya. Penonjolan sikap tersebut dipercayai oleh Oppenheim (2000) sebagai kesan daripada kepercayaan yang dipegang dan diikuti dengan pengalaman yang berbeza dialami oleh setiap individu.

Terdapat beberapa kajian yang menghubungkan antara sikap dengan perubahan sosio-ekonomi. Menurut Chamhuri (2004), isu kemiskinan mempunyai perkaitan yang rapat dengan budaya kemiskinan dan kemiskinan sikap yang menuntut perubahan sikap positif. Sikap positif terhadap diri akan membawa kemajuan, sebaliknya sikap yang negatif akan menurunkan prestasi diri (Aiken, 1994). Tambahan pula, terdapat perkaitan antara sosio-ekonomi petani dan sikap terhadap alam sekitar sebagai faktor penting yang mempengaruhi penyertaan para petani dalam meningkatkan keadaan sosio-ekonomi mereka (Defrancesco et al. 2008). Selain itu, kajian oleh Koleoso dan Olasehinde (1998), Olowookere (2000), dan Harmzat (1998) mendapati hubungan yang positif secara signifikan antara sikap pelajar terhadap prestasi pelajaran dan perubahan status sosial ekonomi mereka.

Pengkaji percaya bahawa sikap yang positif terhadap Program Peningkatan Pendapatan (PPP) sedikit sebanyak dapat meramal dan mempengaruhi tingkah laku peserta Orang Asli terhadap projek yang mereka lakukan. Ini kerana sikap merupakan kecenderungan untuk bertindak secara negatif atau positif terhadap sesuatu objek atau situasi. Sikap yang positif boleh mendorong kepada tingkah laku yang positif dan seterusnya menyumbang kepada perubahan sosio-ekonomi yang lebih baik. Namun, kajian khusus yang mengkaji sikap Orang Asli terhadap PPP dan hubungannya dengan perubahan sosio-ekonomi masih belum dijalankan. Sikap peserta adalah suatu yang penting untuk diterokai kerana ia dapat memberikan gambaran sejauhmana seseorang itu suka atau tidak kepada projek PPP yang dijalankan. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menentukan hubungan antara sikap terhadap PPP dan perubahan kepada sosio-ekonomi dalam kalangan peserta Orang Asli.

Metodologi

Sampel dan Lokasi Kajian

Seramai 110 peserta Orang Asli yang menyertai Program Peningkatan Pendapatan di negeri Perak terlibat dalam kajian ini. Antara lokasi yang terlibat adalah Kg. Air Bah, di daerah Hulu Perak, RPS Jernang, Kg. Sungai Merbau, Kg. Tersusun Kinjang, Kg. SEK. Temoh dan Kg. Pos Bersih di daerah Batang Padang, Kg. Suak Petai dan Kg. Chadak di daerah Kinta dan Kg. Lanar Pos Perwor, Kg. Lawai dan Kg. Ulu Bekor di daerah Kuala Kangsar. Responden dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan daripada senarai nama peserta PPP yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) negeri Perak. Tumpuan diberikan kepada ketua projek. Namun, sekiranya ketua projek tidak berkelapangan, maka ahli projek bertanggungjawab untuk menyertai kajian ini.

Prosedur dan Instrumen

Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan borang soal selidik yang ditadbir sendiri oleh responden dengan pemantauan minima oleh penyelidik. Soal selidik yang digunakan untuk kajian ini mengandungi tiga bahagian iaitu Status Sosio-ekonomi, Sikap terhadap Program Peningkatan Pendapatan, dan Perubahan kepada Sosio-ekonomi. Status sosio-ekonomi mengandungi pembolehubah seperti jantina, umur, suku kaum, agama, status perkahwinan, tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan isi rumah, jumlah tanggungan dan maklumat penyertaan dalam PPP. Instrumen Sikap terhadap PPP telah dibina sendiri oleh penyelidik memandangkan tiada instrumen standard yang dibina oleh penyelidik lepas mengenai sikap terhadap PPP. Instrumen ini dibina mengikut kesesuaian latar belakang projek PPP yang disertai oleh Orang Asli dengan mengadaptasi Alat Ukuran Sikap oleh Azlina (2010) dan berdasarkan beberapa langkah yang disarankan oleh Gregory (2007). Sebanyak lapan item telah dibina untuk mengukur penilaian positif atau negatif peserta terhadap PPP berdasarkan pilihan yang disediakan iaitu dari “sangat tidak setuju (1)” hingga “sangat setuju (5)”. Semakin tinggi skor menunjukkan responden mempunyai sikap yang positif terhadap PPP. Instrumen ini mempunyai nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach sebanyak 0.857.

Manakala set soalan untuk mengukur perubahan sosio-ekonomi peserta telah dibina sendiri oleh penyelidik memandangkan tiada instrumen standard yang dibina oleh penyelidik lepas mengenai perubahan sosio-ekonomi peserta PPP. Instrumen ini dibina dengan mengadaptasi Alat Ukuran Kesan Program Pembangunan Tanah Pertanian oleh Halilah, Asnarulkhadi dan Norsida (2013). Instrumen tersebut mempunyai ketekalan dalaman dalam julat yang boleh diterima iaitu nilai alpha Cronbach melebihi 0.70. Untuk kajian ini, set soalan perubahan sosio-ekonomi terhadap PPP mengandungi 29 item bagi mewakili empat dimensi iaitu 1) Perubahan Aspek Berkaitan Ekonomi, 2) Perubahan dalam Pemilikan, 3) Perubahan Gaya Hidup, dan 4) Pendayaupayaan dalam Membuat Keputusan. Pemarkatan bagi instrumen ini adalah berdasarkan skala lima pilihan daripada “sangat tidak setuju (1)” hingga “sangat setuju (5)”.

Analisis Data

Data dianalisis secara statistik deskriptif berdasarkan kekerapan, min, sisihan piawai, nilai minimum dan maksimum untuk memerihai status sosio-ekonomi, sikap responden terhadap PPP dan perubahan sosio-ekonomi. Manakala ujian korelasi Pearson dilakukan untuk menentukan hubungan antara sikap dengan perubahan sosio-ekonomi.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Maklumat Latar belakang Responden

Jadual 1 memaparkan maklumat latar belakang responden Orang Asli yang menyertai Program Peningkatan Pendapatan (PPP) di negeri Perak. Majoriti responden adalah lelaki iaitu seramai 77 orang (70%) berbanding wanita seramai 33 orang (30%). Dari segi umur, peserta berumur antara 17 hingga

75 tahun, dengan purata umur 39.9 tahun. Bagi status perkahwinan dan bilangan tanggungan, majoriti responden adalah berkahwin (80%) dengan bilangan tanggungan kurang daripada lima orang (75.5%). Bagi taburan suku kaum Orang Asli, majoriti responden adalah dari suku Semai iaitu seramai 69 orang (62.7%), diikuti oleh Temiar seramai 22 orang (20%) dan Lanoh seramai 19 orang (17.3%). Suku kaum Semai dan Temiar adalah dari rumpun bangsa Senoi, manakala Lanoh adalah dari kalangan Negrito yang menetap di Gerik Perak. Bagi latar belakang agama, majoriti responden adalah beragama Islam (35.5%) diikuti dengan tiada agama (34.5%), Kristian (28.2%) dan Bahai (1.8%). Seterusnya, Jadual 1 turut memaparkan tahap pendidikan responden. Majoriti responden tidak pernah bersekolah iaitu seramai 46 orang (41.8%), diikuti responden yang bersekolah rendah (36.4%) dan mendapat pendidikan sehingga menengah rendah (14.5%). Selain itu, kurang daripada 5 peratus responden yang mencapai tahap pendidikan sehingga SPM, Sijil mahupun Diploma.

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Pemboleh ubah	N	(%)	Pemboleh ubah	n	(%)
1. Jantina			5. Suku Kaum		
Lelaki	77	(70.0)	Lanoh	19	(17.3)
Perempuan	33	(30.0)	Semai	69	(62.7)
			Temiar	22	(20.0)
2. Umur			6. Agama		
<20	4	(3.6)	Bahai	2	(1.8)
20-39	47	(42.7)	Islam	39	(35.5)
40-59	49	(44.5)	Kristian	31	(28.2)
60 ke atas	10	(9.1)	Tiada	38	(34.5)
Min : 39.90; S.P.: 12.00			7. Tahap Pendidikan		
Minm: 17; Maks: 75			Tidak Bersekolah	46	(41.8)
3. Status Perkahwinan			UPSR/ Tidak tamat Sekolah	40	(36.4)
Bujang	15	(13.6)	Rendah		
Berkahwin	88	(80.0)	SRP/PMR/PT3	16	(14.5)
Janda/Duda	7	(6.4)	SPM	5	(4.5)
4. BilanganTanggungan			Sijil	1	(0.9)
4 orang ke bawah	83	(75.5)	Diploma	2	(1.8)
5 orang ke atas	27	(24.5)			

Nota: S.P = Sisihan Piawai, Minm. = Minimum, Maks. = Maksimum

Jadual 2 memaparkan maklumat pekerjaan responden sama ada pekerjaan utama mahupun sambilan serta pendapatan responden sebelum dan selepas menyertai Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Menerusi kajian ini, sebilangan besar responden (33.6%) menjadikan petani sebagai pekerjaan utama mereka, diikuti 25.5 peratus responden adalah penternak, 17.3 peratus adalah penoreh getah dan 9.1 peratus adalah pengutip hasil hutan. Selain itu, terdapat responden yang bekerja di ladang kelapa sawit, mempunyai pekerjaan bergaji dan berniaga. Sebilangan kecil responden (1.8%) adalah tidak bekerja iaitu dalam kalangan suri rumah.

Seterusnya bagi taburan pekerjaan sambilan, majoriti responden (31.8%) mengutip hasil hutan, diikuti 19.1 peratus responden adalah penoreh getah. Selain itu, responden menanda pilihan jawapan "lain-lain" 12.7 peratus dan menyatakan aktiviti yang dilakukan adalah seperti bekerja di salon kecantikan, mandor ladang, pembantu pejabat kesihatan dan pekerja kontrak pembinaan. Walau bagaimanapun, seramai 28 orang responden (25.5%) tidak melakukan sebarang kerja sambilan.

Bagi taburan pendapatan bulanan responden sebelum menyertai PPP, dapatan kajian menunjukkan purata pendapatan responden adalah sebanyak RM578.18. Majoriti responden (49.1%) mempunyai pendapatan kurang daripada RM500 sebulan, diikuti 39.1 peratus mempunyai pendapatan antara RM500 hingga RM999 dan 11.8 peratus mempunyai pendapatan bulanan melebihi RM1000. Walau bagaimanapun, selepas menyertai PPP purata pendapatan responden meningkat kepada RM671.36, di

mana majoriti responden (43.6%) memperoleh pendapatan bulanan kurang daripada RM500 diikuti oleh 37.3 peratus memperoleh pendapatan antara RM500 hingga RM999, manakala selebihnya (19%) berpendapatan melebihi RM1,000.

Jadual 2: Pekerjaan dan Pendapatan Responden

Pemboleh ubah	N	(%)	Pemboleh ubah	n	(%)
1. Pekerjaan Utama			3. Pendapatan Responden		
Pekerja Ladang Kelapa Sawit	4	(3.6)	Sebulan Sebelum PPP		
Petani	37	(33.6)	RM499 ke bawah	54	(49.1)
Ahli Perniagaan	2	(1.8)	RM500 – RM999	43	(39.1)
Penoreh Getah	19	(17.3)	RM1000 – RM1999	9	8.2)
Pengutip Hasil Hutan	10	(9.1)	RM2000 ke atas	4	(3.6)
Penternak	28	(25.5)	Min : 578.18; S.P.:544.93		
Pekerja Bergaji	2	(1.8)	Minm: 0.00; Maks: 4000		
Tidak Bekerja	2	(1.8)			
Lain-lain	6	(5.5)			
2. Pekerjaan Sambilan			4. Pendapatan Responden		
Pekerja Ladang Kelapa Sawit	6	(5.5)	Sebulan Selepas PPP		
Petani	3	(2.7)	RM499 – ke bawah	48	(43.6)
Penoreh Getah	21	(19.1)	RM500 – RM999	41	(37.3)
Pengutip Hasil Hutan	35	(31.8)	RM1000 – RM1999	16	(14.5)
Penternak	3	(2.7)	RM2000 ke atas	5	(4.5)
Tidak Bekerja	28	(25.5)	Min: 671.36, S.P.: 594.14		
Lain-lain	14	(12.7)	Minm: 0.00; Maks: 4200		
			5. Pendapatan Bulanan Isi Rumah		
			RM499 ke bawah	25	(22.7)
			RM500-RM999	44	(40.0)
			RM1000-RM1999	33	(33.0)
			RM2000 ke atas	8	(7.3)
			Min : 929.54; S.P.: 745.51		
			Minm: 150; Maks: 5000		

Nota: S.P = Sisihan Piawai, Minm. = Minimum, Maks. = Maksimum

Selain itu, kajian mendapati purata pendapatan bulanan isi rumah responden selepas menyertai PPP adalah sebanyak RM929.54 (S.P.=745.51). Purata pendapatan bulanan isi rumah yang lebih tinggi berbanding purata pendapatan bulanan responden menunjukkan bahawa ahli keluarga turut bekerja untuk menampung kos sara hidup keluarga dalam kalangan Orang Asli yang dikaji. Seterusnya, 75.5 peratus responden mempunyai tanggungan isi rumah kurang daripada lima orang.

Jadual 3 memaparkan maklumat penglibatan responden dalam Program Peningkatan Pendapatan. Sebahagian daripada responden (56.4%) terlibat dalam projek tanaman seperti sayuran, pisang dan limau kasturi, manakala selebihnya (41.9%) terlibat dalam program ternakan seperti ikan tilapia, kambing, lembu, kelulut dan lebah. Hanya dua orang responden yang terlibat dengan projek pastri. Bagi kebanyakan projek yang telah dijalankan, tempoh projek aktif adalah selama setahun (42.7%) dan hanya 21.8 peratus responden adalah ketua projek. Setelah menyertai PPP, secara puratanya responden memperoleh penambahan pendapatan sebanyak RM96.81 sebulan, dengan maksimum penambahan sebanyak RM550. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada responden (51.8%) tiada penambahan pendapatan kerana projek baru sahaja dijalankan seperti tanaman sayuran, dan terdapat juga projek yang gagal dijalankan seperti tanaman pisang.

Jadual 3: Maklumat Penyertaan Responden dalam Program Peningkatan Pendapatan

Pemboleh ubah	N	(%)	Pemboleh ubah	n	(%)
1. Nama Projek			4. Adakah Anda Ketua Projek		
Pastri	2	(1.8)	Ya	24	(21.8)
Tanaman Limau Kasturi	12	(10.9)	Tidak	86	(78.2)
Tanaman Pisang	20	(18.2)			
Tanaman Sayuran	30	(27.3)	5. Bilangan Ahli Berkelompok		
Ternakan Ikan Talapia	10	(9.1)	4 orang ke bawah	54	(49.1)
Ternakan Kambing	7	(6.4)	5 orang ke atas	56	(50.9)
Ternakan Kelulut	11	(10.0)			
Ternakan Lembu	18	(16.4)	6. Penambahan Pendapatan		
2. Tahun Memulakan Projek			Tiada Penambahan	57	(51.8)
2014	33	(30.0)	Kurang daripada RM200	23	(20.9)
2015	31	(28.2)	RM200 – RM399	24	(21.8)
2016	3	(2.7)	RM400 ke atas	6	(5.5)
2017	43	(39.1)	Min: 96.81, S.P.: 128.91		
			Minm: 0.00; Maks: 550		
3. Tempoh Aktif Projek			7. Tahap Persetujuan Kejayaan Projek		
Enam Bulan	17	(15.5)	Sangat Tidak Setuju (STS)	9	(8.18)
Setahun	47	(42.7)	Tidak Setuju (TS)	25	(22.73)
Dua Tahun	15	(13.6)	Setuju (S)	49	(44.55)
Tiga Tahun	8	(7.3)	Sangat Setuju (SS)	27	(24.55)
Empat tahun	23	(20.9)			

Nota: S.P = Sisihan Piawai, Minm. = Minimum, Maks. = Maksimum

Seterusnya, responden diajukan soalan berkenaan tahap persetujuan mereka terhadap kejayaan projek dengan pilihan jawapan daripada sangat tidak setuju (STS = 1) kepada sangat setuju (SS = 4). Kajian mendapati majoriti responden setuju (44.5%) bahawa projek yang mereka jalankan berjaya, diikuti 24.55 peratus sangat setuju. Sebaliknya, 22.73 peratus tidak setuju dan 8.18 peratus responden sangat tidak setuju projek yang mereka jalankan berjaya.

Tahap Sikap Peserta Orang Asli terhadap Program Peningkatan Pendapatan dan Perubahan kepada Sosio-ekonomi

Keputusan dalam Jadual 4 memaparkan skor dan tahap sikap responden terhadap PPP dan perubahan kepada sosio-ekonomi yang meliputi empat dimensi iaitu perubahan aspek berkaitan ekonomi, perubahan dalam pemilikan, perubahan gaya hidup dan pendayaupayaan dalam membuat keputusan. Tahap sikap dibahagikan kepada dua iaitu sikap positif dan negatif. Manakala tahap perubahan kepada sosio-ekonomi dibahagikan kepada tiga iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Dapatan kajian mendapati majoriti responden berada pada tahap sikap yang positif (93.6%) dengan nilai min 32.27 (S.P.=4.07), diikuti skor pada tahap negatif (6.4%). Skor tinggi menunjukkan responden mempunyai penilaian yang positif terhadap projek PPP yang mereka jalankan, manakala skor rendah menunjukkan responden mempunyai sikap atau penilaian yang negatif terhadap PPP.

Seterusnya, hasil kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap perubahan sosio-ekonomi yang sederhana diikuti tahap tinggi bagi dimensi perubahan aspek berkaitan ekonomi (min: 21.16, S.P.: 4.83) dan perubahan gaya hidup (min: 29.67, S.P.: 3.75). Manakala dimensi pendayaupayaan dalam membuat keputusan menunjukkan majoriti responden mencapai tahap tinggi diikuti tahap sederhana (min: 27.54, S.P.: 3.88). Namun, bagi dimensi perubahan dalam pemilikan menunjukkan majoriti

responden mempunyai tahap sederhana diikuti tahap rendah (min: 26.48, S.P.: 6.02). Skor tinggi menunjukkan terdapat perubahan kepada sosio-ekonomi responden dalam aspek berkaitan ekonomi, pemilikan, gaya hidup dan pendayaupayaan dalam membuat keputusan, manakala skor rendah menunjukkan kurangnya perubahan kepada sosio-ekonomi responden.

Jadual 4: Skor dan Tahap Sikap Orang Asli Terhadap PPP dan Perubahan kepada Sosio-ekonomi

Pembolehubah	N	%
Sikap Terhadap PPP		
Negatif (8-26)	7	(6.4)
Positif (27-45)	103	(93.6)
Min: 32.27, S.P.:4.07		
Perubahan Aspek Berkaitan Ekonomi		
Rendah (6-14)	12	(10.9)
Sederhana (15-23)	60	(54.5)
Tinggi (24-32)	38	(34.5)
Min: 21.16, S.P.:4.83		
Perubahan dalam Pemilikan		
Rendah (8-20)	23	(20.9)
Sederhana (21-33)	72	(65.5)
Tinggi (34-46)	15	(13.6)
Min: 26.48, S.P.: 6.02		
Perubahan Gaya Hidup		
Rendah (8-20)		
Sederhana (21-33)	91	(82.7)
Tinggi (34-46)	19	(17.3)
Min: 29.67, S.P.: 3.75		
Pendayaupayaan dalam Membuat Keputusan		
Rendah (7-16)		
Sederhana (17-26)	41	(37.3)
Tinggi (27-36)	69	(62.7)
Min: 27.54, S.P.: 3.88		

Hubungan antara Sikap terhadap Program Peningkatan Pendapatan dan Perubahan kepada Sosio-ekonomi

Jadual 5 memaparkan hubungan antara sikap terhadap Program Peningkatan Pendapatan (PPP) dan dimensi perubahan sosio-ekonomi. Keputusan menunjukkan bahawa sikap terhadap PPP mempunyai hubungan positif secara signifikan dengan keempat-empat dimensi perubahan sosio-ekonomi iaitu perubahan aspek berkaitan ekonomi perubahan dalam pemilikan, perubahan gaya hidup dan pendayaupayaan dalam membuat keputusan ($r=0.43$ hingga $r=0.681$, $p < 0.01$). Pekali korelasi positif menunjukkan bahawa peningkatan pada skor sikap terhadap PPP meningkatkan skor perubahan kepada sosio-ekonomi responden. Ini bermakna semakin tinggi atau positif sikap terhadap PPP, semakin meningkat perubahan sosio-ekonomi responden bagi keempat-keempat dimensi yang dikaji. Hasil kajian ini selari dengan dapatan oleh Defrancesco et al. (2008) yang mendapati sikap petani terhadap alam sekitar mempengaruhi penyertaan para petani dalam meningkatkan keadaan sosio-ekonomi mereka.

Jadual 5: Hubungan antara Sikap Terhadap PPP dan Perubahan kepada Sosio-ekonomi

	Perubahan Aspek Berkaitan Ekonomi	Perubahan dalam Pemilikan	Perubahan Gaya Hidup	Pendayaupayaan Membuat Keputusan
Sikap Terhadap PPP	0.584** (0.00)	0.430** (0.00)	0.607** (0.00)	0.681** (0.00)

**p<0.01

Kesimpulan

Hasil kajian ini memberi gambaran tentang status sosioekonomi, sikap terhadap Program Peningkatan Pendapatan (PPP) dan perubahan kepada sosio-ekonomi dalam kalangan Orang Asli yang menyertai PPP di negeri Perak. Sebagaimana sedia maklum, PPP adalah salah satu program yang diilhamkan oleh kerajaan bertujuan untuk mengurangkan kadar kemiskinan tegar masyarakat melalui bantuan yang disalurkan dengan nilai maksimum RM10,000 mengikut skop projek yang dijalankan sama ada secara individu mahupun kelompok. Kajian ini melibatkan 110 Orang Asli dari suku kaum Semai, Temiar dan Lanoh yang menyertai PPP di daerah Hulu Perak, Batang Padang, Kinta dan Kuala Kangsar. Majoriti responden adalah lelaki dengan purata umur 39.9 tahun, berkahwin dan tidak bersekolah. Kajian mendapati projek utama yang dijalankan di negeri Perak adalah tanaman sayuran, di samping projek-projek lain seperti tanaman limau kasturi, pisang, ternakan ikan tilapia, ternakan kambing, lembu dan kelulut serta pastri.

Selain itu, aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh responden adalah lebih kepada aktiviti ekonomi yang bertujuan mendapatkan wang seperti menoreh getah, mengutip hasil hutan, berniaga dan mengusahakan ladang kelapa sawit, berbanding aktiviti ekonomi sara diri seperti memancing dan memburu binatang. Sebelum menyertai PPP, kajian mendapati purata pendapatan responden adalah sebanyak RM578.18 sebulan. Walau bagaimanapun, selepas menyertai PPP responden memperoleh purata pendapatan bulanan sebanyak RM707.72. Dapatan ini menunjukkan adanya peningkatan pendapatan dalam kalangan responden walaupun majoriti daripada mereka memperoleh pendapatan kurang daripada RM1000.

Secara keseluruhannya, majoriti responden mempunyai sikap yang positif terhadap PPP. Dapatan ini menunjukkan responden berpuas hati dan mempunyai penilaian yang positif terhadap PPP. Bagi perubahan sosio-ekonomi pula, hasil kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap perubahan sosio-ekonomi yang sederhana diikuti tahap tinggi bagi dimensi perubahan aspek berkaitan ekonomi dan perubahan gaya hidup. Manakala dimensi perubahan dalam pemilikan menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap sederhana diikuti tahap rendah. Walau bagaimanapun, dimensi pendayaupayaan dalam membuat keputusan menunjukkan majoriti responden mencapai tahap tinggi diikuti tahap sederhana. Kajian turut mendapati sikap responden terhadap PPP mempunyai hubungan positif dengan perubahan kepada sosio-ekonomi. Keadaan ini menunjukkan bahawa untuk mengubah sosio-ekonomi Orang Asli kepada satu status yang lebih baik, elemen psikologi seperti sikap komuniti turut memainkan peranan dan memberikan sumbangan. Sikap positif peserta Orang Asli terhadap PPP adalah penting kerana sikap berkait rapat dengan tingkah laku, mendorong dan mempengaruhi keterlibatan peserta dalam program ini dalam jangka masa panjang dan seterusnya meningkatkan status sosio-ekonomi kepada tahap yang lebih baik lagi. Oleh hal yang demikian, pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti JAKOA perlu terus memainkan peranan dalam memberikan galakan dan sokongan kepada komuniti ini agar mereka terus bermotivasi, terbuka kepada inovasi dan terus berusaha untuk meningkatkan status sosioekonomi dan kualiti hidup mereka.

Penghargaan

Kajian ini adalah sebahagian daripada projek yang bertajuk Persepsi, Motivasi dan Sikap Peserta Orang Asli terhadap Program Peningkatan Pendapatan (PPP) dan Kesannya kepada Sosioekonomi. Kajian ini mendapat peruntukan daripada Geran Universiti Putra Malaysia Tahun 2017 (GP-IPM), No. Projek UPM/700-2/1/9534100. Sebahagian daripada hasil kajian ini telah dibentangkan di *International Social Work Symposium 2019 (ISWS 2019)*, Institut Sosial Malaysia, pada 27-28 April 2019. Ucapan terima kasih ditujukan kepada pihak RMC UPM, JAKOA (Ibu Pejabat dan Negeri Perak), pasukan penyelidik dari UPM, para peserta PPP yang terlibat sebagai responden dan semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung untuk menjayakan kajian ini.

Rujukan

- Aiken, L.R. (1994). *Psychological testing and assesment*. Ed. Ke-8. USA: Allyn and Bacon.
- Anderson, A. (1998). *The welcome of strangers: an ethnohistory of southern Maori AD 1650-1850*. Otago University Press.
- Azlina, M. K., & Ma'rof, R. (2014). Sikap masyarakat Melayu terhadap faktor pembangunan di Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Seri Alam 11* (2014), 49-60.
- Azlina, M.K., Nobaya, A., Asnarulkhadi, A.S., Hanina, H. H. & CW Sharifah Balkis, S.A.H. (2018). Kajian Preliminari Status Sosioekonomi dan Persepsi Peserta Orang Asli terhadap Program Peningkatan Pendapatan. Dalam W.A. Amir Zal, Nurhanan, Mohd Kamil, & Khairul Azhar (Pyt.), *Proceeding International Conference on Poverty and Sustainable Society 2018 (ICOPSS 2018)* (pp. 286-294). Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Chamhuri, S. (2004). *Pembangunan mapan strategi 'menang-menang' untuk pembasmian kemiskinan dan pemuliharaan alam sekitar*. Cetakan Ke-2. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Defrancesco, E., Gatto, P., Runge, F., & Trestini, S. (2008). Factors affecting farmers' participation in agri-environmental measures: A Northern Italian perspective. *Journal of agricultural economics*, 59(1), 114-131.
- Fishbein, M. & Ajzen, A. (1975). *Belief, attitude, intention and behaviour*. MA: Addison-Wesley.
- Gomes-Casseres, B. (1987). *Joint venture instability: Is it a problem* (pp. 97-101). Division of Research, Harvard University.
- Harmzat, E. J., (1998). Correlation Between Attitude and Socio-Economic Status of Students' Performance in Computer Science. *Science*, 3(4), 75-77.
- Hassan, H., (2018). Seroprevalence of Q fever among the indigenous people (Orang Asli) of Peninsular Malaysia. *Vector-Borne and Zoonotic Diseases*, 18(3), 131-137.
- Homer, P.M. & Kahle, L.R. (1988). A structural equation test of the value-attitude-behaviour hierarchy. *Journal of Personality and Social Psychology* 54(4): 638-646.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2011). *Pelan Strategik Komuniti Orang Asli: 2011-2015*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2016). *Data Maklumat Asas Orang Asli 2016*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- Koleoso, A., & Olasehinde, O. J. (1998). Relationship between students' attitudes to science and their achievement in physics. *Scientia paedagogica experimentalis*, 35(2), 305-314.
- Lambert, J. D. (1973). *Computational methods in ordinary differential equations*.
- Ma'rof, R. (2001). *Psikologi sosial*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ma'rof, R. (2010). Pembangunan dan kemunduran komuniti peribumi: Kes kemiskinan dalam komuniti Orang Asli. Dalam Laily, P. & Sharifah, A. H. (Pyt.), *Kemiskinan di Malaysia: Isu Fundamental dan Paparan Realiti* (pp. 96-131). Serdang, Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Noralida, T. W., Mohamed, M., Jamiran, M. N. S., Abidin, Z., Zulhilmi, Z., Sam, M., & Aminah, S. (2013). Pembangunan sosioekonomi komuniti orang asli di Malaysia.
- Olowookere, J. O. (2000). A study of the attitudes of secondary school and their achievement in history. *Unpublished BA (Ed.) Project. Adeyemi College of Education, Ondo, Nigeria*.
- Oppenheim, A. N. (2000). *Questionnaire design, interviewing and attitude measurement*. Bloomsbury Publishing.

Oskamp, S., (1977). Courtship American style: newspaper ads. *Family Coordinator*, 27-30.

Sarjit, S. G., & Mohd. Roslan, R. (2018). Mengenal Pembanguan Kontemporari Orang Asli. Dalam Sarjit, S.G., & Mohd Roslan, R.(Pyt.), *Pembangunan Kontemporari Orang Asli* (pp. 1-12). Serdang, Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia.